



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LIABILITI PENGARAH
KETETAPAN UMUM NO. 2/2019**

TARIKH PENERBITAN: 14 MAC 2019



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LIABILITI PENGARAH

**Ketetapan Umum No. 2/2019
Tarikh Penerbitan: 14 Mac 2019**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2019 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersial, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Maksud Pengarah	2
6. Pemungutan Cukai dan Hutang Syarikat daripada Pengarah	6
7. Pengarah Syarikat yang Bertanggungjawab	7
8. Pengarah Syarikat yang Tidak Bertanggungjawab	9
9. Tindakan Pemungutan Cukai	11
10. Penolakan Tuntutan	13

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan liabiliti seseorang pengarah syarikat terhadap cukai syarikat iaitu –

- (a) apa-apa cukai yang menjadi genap masa dan kena dibayar oleh syarikat; dan
- (b) apa-apa hutang yang menjadi genap masa dan kena dibayar oleh syarikat sebagai majikan berhubung dengan kaedah potongan cukai daripada emolumen dan pencen di bawah Potongan Cukai Bulanan (PCB).

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 75A, 90, 103, 104, 106, 107 dan subseksyen 139(7).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Modal saham biasa” bermaksud semua modal saham yang diterbitkan oleh syarikat selain daripada modal yang pemegangnya berhak kepada dividen pada kadar tetap dan tidak berhak untuk menikmati keuntungan syarikat.
- 3.2 “Pengaroh Imigresen” bermaksud Pengarah Imigresen Sabah, Sarawak atau Semenanjung Malaysia.
- 3.3 “Pesuruhjaya Polis” termasuklah Ketua Pegawai Polis.
- 3.4 “Sekatan Perjalanan” bermaksud menghalang seseorang daripada meninggalkan Malaysia jika dia gagal membayar semua cukai, jumlah wang dan hutang yang kena dibayar.
- 3.5 “Sekutu” berhubung dengan seseorang bagi tujuan KU ini bermaksud -
 - (a) seseorang yang dalam mana-mana hubungan yang berikut dengan orang itu, iaitu suami atau isteri, ibu bapa atau leluhur jauh, anak atau zuriat jauh, adik-beradik lelaki, adik-beradik perempuan dan pasangan; atau
 - (b) jika orang itu berkepentingan dalam mana-mana syer atau tanggungan bagi suatu syarikat yang tertakluk kepada mana-mana amanah atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

bahagian harta pusaka si mati, mana-mana orang berkepentingan yang lain di dalamnya.

- 3.6 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.


4. Pengenalan

- 4.1 Seksyen 75A ACP memperuntukkan seseorang pengarah syarikat untuk bertanggungjawab ke atas apa-apa cukai atau hutang yang menjadi genap masanya dan kena dibayar oleh syarikat serta memungut kembali cukai yang terhutang atau hutang daripada pengarah syarikat.
- 4.2 Mana-mana orang yang memegang jawatan pengarah dalam tempoh di mana cukai atau hutang kena dibayar adalah secara berse sama dan berasingan bagi apa-apa cukai atau hutang yang menjadi genap masanya dan kena dibayar oleh syarikat itu.
- 4.3 Perkataan 'secara berse sama dan berasingan' bermaksud tindakan boleh diambil secara berse sama ke atas syarikat dan pengarah, atau secara berasingan ke atas pengarah syarikat yang bertanggung ke atas cukai atau hutang syarikat yang kena dibayar.

5. Maksud Pengarah

- 5.1 Selaras dengan subseksyen 75A(2) ACP, maksud pengarah boleh diringkaskan seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



Nota:

¹Sebelum 24.01.2014, pegangan modal saham biasa hendaklah melebihi daripada 50%.

- 5.2 Jika seseorang memegang jawatan pengarah (dengan apa sahaja namanya dipanggil), tanpa mengira sama ada dia sebenarnya melaksanakan mana-mana fungsi pengarah, dia adalah seorang pengarah bagi tujuan cukai pendapatan jika dia juga memenuhi syarat dalam perenggan 5.3 dan 5.4.
- 5.3 Jika seseorang mempunyai kuasa pengarah tetapi tidak diberi gelaran nama pengarah, dia akan dianggap sebagai seorang pengarah bagi tujuan cukai pendapatan.
- 5.4 Sekiranya seseorang itu tidak dipanggil pengarah tetapi dia terlibat dalam pengurusan perniagaan syarikat dan sama ada, secara bersendirian atau dengan sekutu, memegang sekurang-kurangnya 20% daripada modal saham biasa syarikat, maka dia dianggap sebagai seorang pengarah bagi tujuan cukai pendapatan.

Contoh 1

Cik Amyza dan Cik Ayuni dilantik sebagai Pengarah Urusan dan Pengurus Operasi masing-masing dalam Valentia Sdn Bhd (VSB) mulai 2.5.2018.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA


Mereka memiliki 19% dan 55% modal saham biasa dalam VSB masing-masing.

Cik Ayuni adalah pengarah bagi maksud seksyen 75A ACP kerana beliau memiliki 55% modal saham biasa VSB, iaitu tidak kurang daripada 20%.

Cik Amyza bukan pengarah bagi maksud seksyen 75A ACP kerana modal saham biasa yang dimiliki oleh beliau adalah kurang daripada 20%.

Contoh 2 (Pegangan saham secara langsung)

Pemegangan modal saham biasa dalam Snow-White Sdn Bhd (SWSB) bagi tahun berakhir 31.3.2018 adalah seperti berikut:



Pengarah-pengarah di atas tiada hubungan kekeluargaan antara satu sama lain.

Encik Amir dan Puan Mawar adalah pengarah SWSB bagi maksud seksyen 75A ACP kerana masing-masing memegang secara langsung lebih daripada 20% modal saham biasa dalam SWSB.

Encik Fatah dan Puan Medina bukan pengarah bagi maksud seksyen 75A ACP kerana modal saham biasa yang dipegang secara langsung oleh keduanya dalam SWSB masing-masing kurang daripada 20%.

Contoh 3


Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 kecuali Encik Fatah dan Puan Medina merupakan pasangan suami-isteri.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Encik Fatah dan sekutunya Puan Medina mempunyai pegangan modal saham biasa berjumlah 20%. Oleh itu, Encik Fatah dan Puan Medina adalah pengarah SWSB bagi maksud seksyen 75A ACP kerana mereka bersama-sama memegang tidak kurang daripada 20% modal saham biasa dalam SWSB.

Contoh 4 (Pegangan saham secara tidak langsung)

Pemegangan modal saham biasa Ovaltino Sdn Bhd (OSB) dimiliki oleh Encik Vicos, Encik Milan, Puan Venice dan Horlic Sdn Bhd (HSB) dengan peratusan seperti berikut –



Encik Vicos, Encik Milan dan Puan Venice telah dilantik sebagai pengarah Syarikat OSB mulai 1.8.2017.

Encik Milan bukan pengarah Syarikat OSB bagi maksud seksyen 75A ACP kerana beliau tidak memenuhi syarat memiliki “tidak kurang daripada 20% modal saham biasa”.

Puan Venice adalah pengarah Syarikat OSB bagi maksud seksyen 75A ACP kerana beliau memiliki 20% modal saham biasa secara bersendirian.

Encik Vicos adalah juga pengarah Syarikat OSB bagi maksud seksyen 75A ACP kerana memiliki 35% modal saham biasa dengan pengiraan seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Saham dimiliki atas nama sendiri - secara langsung	15%
Tambah:	
Saham dimiliki melalui perantaraan Syarikat HSB (40% X 50%) - secara tidak langsung	<u>20%</u>
Saham dimiliki secara langsung dan tidak langsung	<u>35%</u>

6. Pemungutan Cukai dan Hutang Syarikat daripada Pengarah

Seorang pengarah yang memegang 20% modal saham biasa atau lebih di dalam syarikat akan bertanggung ke atas –

- (a) Bayaran cukai pendapatan syarikat; dan
- (b) Potongan Cukai Bulanan (PCB).

Pengarah adalah bertanggung secara bersesama dan berasingan berhubung dengan cukai syarikat dan apa-apa hutang yang telah menjadi genap masa dan kena dibayar.

Contoh 5

Encik Ismail, Encik Akmal dan Puan Amy adalah pemilik dan pengarah Syarikat Italian Design Sdn Bhd dengan memiliki modal saham biasa syarikat sebanyak 50%, 35% dan 15% masing-masing. Pengarah-pengarah bukan merupakan sekutu sebagaimana yang dijelaskan diperenggan 3.5 di bawah 'Tafsiran' dalam KU ini.

Syarikat didapati gagal membayar cukai pendapatan yang menjadi genap masanya dan gagal meremit amaun yang dipotong daripada saraan pekerjaanya yang tertakluk kepada PCB.

Oleh itu, tindakan memungut di bawah seksyen 75A ACP yang boleh dikenakan terhadap dua orang pengarah syarikat iaitu Encik Ismail dan Encik Akmal seperti berikut –

- (a) memungut cukai pendapatan syarikat yang menjadi genap masa; dan
- (b) memungut PCB yang gagal diremit oleh syarikat

Walaupun Puan Amy adalah pengarah syarikat tetapi cukai yang tertunggak tidak boleh dituntut daripada beliau kerana saham yang dipegang oleh beliau adalah kurang daripada 20% modal saham biasa syarikat.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

7. Pengarah Syarikat yang Bertanggungungan

Pengarah syarikat yang bertanggung di bawah seksyen 75A ACP adalah -

- (a) seseorang yang merupakan pengarah syarikat dalam tempoh cukai menjadi genap masa dan kena dibayar oleh syarikat iaitu mulai dari tarikh notis taksiran diserahkan atau disifatkan sebagai telah diserahkan kepada syarikat.

Contoh 6

Oxford Sdn Bhd (OSB) dengan tempoh perakaunan berakhir pada 31 Januari, mengemukakan BNCP untuk Tahun Taksiran 2017 pada 30.6.2017. Maka, notis taksiran diserahkan pada 30.6.2017 atau notis taksiran disifatkan sebagai telah diserahkan kepada OSB pada 30.6.2017.


Walau bagaimanapun, OSB gagal membayar baki cukai pada tarikh yang ditetapkan. Maka tindakan memungut cukai yang telah menjadi genap masa dan kena dibayar dilakukan pada 1.11.2017.

Berikut adalah butiran pelantikan dan pemberhentian pengarah-pengarah OSB dan pegangan modal saham biasa mereka dalam OSB –

Nama Pengarah & pegangan saham biasa	Tarikh pelantikan pengarah	Catatan
Encik Roy Martin 50%	10.10.2016	Kekal menjadi pengarah selepas 1.11.2017
Cik Aiswarya 25%	20.10.2016	Berhenti menjadi pengarah pada 9.7.2017
Encik Aizat 25%	30.6.2017	Kekal menjadi pengarah selepas 1.11.2017

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ringkasan pelantikan dan pemberhentian pengarah-pengarah OSB –



Pengarah syarikat yang bertanggung di bawah seksyen 75A ACP adalah -

- (i) Encik Roy Martin – seorang pengarah syarikat dalam tempoh cukai yang dibangkitkan menjadi genap masa dan kena dibayar serta masih menjadi pengarah pada tarikh tindakan pemungutan cukai diambil.
 - (ii) Cik Aiswarya – walaupun beliau berhenti menjadi pengarah syarikat sebelum tindakan pemungutan diambil tetapi beliau masih merupakan pengarah syarikat dalam tempoh cukai yang dibangkitkan menjadi genap masa dan kena dibayar.
 - (iii) Encik Aizat – walaupun beliau dilantik menjadi pengarah syarikat pada tarikh yang sama dengan tarikh notis taksiran diserahkan atau notis taksiran disifatkan sebagai diserahkan, beliau masih merupakan seorang pengarah syarikat dalam tempoh cukai yang dibangkitkan menjadi genap masa dan kena dibayar.
- (b) seseorang yang menjadi pengarah syarikat dalam tempoh apabila hutang itu kena dibayar oleh syarikat itu. Oleh itu, tindakan hanya boleh diambil terhadap pengarah syarikat dalam tempoh jumlah PCB menjadi genap masa dan kena dibayar.

Contoh 7

Aleeya Qaseh Sdn Bhd (AQSB) menjalankan perniagaan menjual dan mengubah bunga mulai 2.1.2018. Encik Amin dan Puan Qaseh adalah

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

pemilik dan pengarah AQSB, yang masing-masing memiliki 60% dan 40% modal saham biasa dalam syarikat tersebut. Syarikat menggaji tiga orang pekerja sejak syarikat mula beroperasi. Ketiga-tiga pekerja tertakluk kepada PCB di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan [Potongan Daripada Saraan] [Pindaan] 2014.

PCB yang sepatutnya dibuat oleh syarikat bagi ketiga-tiga pekerja bagi tahun 2018 adalah RM4,300. Walau bagaimanapun, AQSB gagal meremit jumlah yang telah dipotong daripada saraan pekerja kepada LHDNM bagi tahun tersebut.

Tindakan memungut PCB yang menjadi genap masa untuk tahun 2018 boleh diambil terhadap kedua-dua orang pengarah syarikat AQSB kerana kedua-duanya adalah pengarah syarikat dalam tempoh PCB menjadi menjadi genap masa dan kena dibayar.

Contoh 8

PCB untuk bulan Mac 2018 kena dibayar pada atau sebelum 15.4.2018.

PCB menjadi menjadi genap masa pada 16.4.2018.

Pengarah syarikat yang bertanggung ke atas jumlah PCB terhutang bagi bulan Mac 2018 adalah pengarah syarikat dalam tempoh PCB bulan Mac 2018 kena dibayar dan menjadi genap masa pada 16.4.2018.

8. Pengarah Syarikat yang Tidak Bertanggung


- (a) Seseorang yang menjadi pengarah syarikat selepas notis taksiran diserahkan atau Notis Taksiran disifatkan sebagai diserahkan.

Contoh 9

Fakta sama seperti di Contoh 6 kecuali Puan Rhea telah dilantik menjadi pengarah baharu pada 30.7.2017 untuk menggantikan Cik Aiswarya. Beliau memiliki pegangan modal saham biasa sebanyak 25% dalam syarikat.

Tindakan pemungutan cukai tidak boleh diambil terhadap Puan Rhea kerana tarikh pelantikan beliau sebagai pengarah syarikat adalah selepas notis taksiran diserahkan atau disifatkan sebagai diserahkan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA




- (b) Pengarah syarikat yang berhenti sebelum notis taksiran diserahkan atau Notis Taksiran disifatkan sebagai diserahkan.

Contoh 10

Fakta sama seperti di Contoh 6 kecuali Encik Roy Martin berhenti menjadi pengarah syarikat pada 15.6.2017.

Tindakan pemungutan cukai tidak boleh diambil terhadap Encik Roy Martin kerana beliau tidak lagi menjadi pengarah syarikat apabila notis taksiran diserahkan atau disifatkan sebagai diserahkan.



- (c) Pengarah syarikat bagi cukai atau hutang yang terbit setelah penggulungan syarikat bermula.

Bagi sebuah syarikat yang berada **di bawah penggulungan**, tindakan tidak boleh diambil terhadap pengarah syarikat jika cukai atau hutang yang terbit dalam tempoh itu menjadi genap masa dan kena dibayar. Ini kerana pengarah syarikat tidak lagi bertanggungjawab terhadap cukai atau hutang tersebut apabila syarikat itu diletakkan di bawah penggulungan.

Nota: Di bawah penggulungan bermaksud tempoh selepas penggulungan syarikat bermula sehingga selesai penggulungan dan syarikat itu tidak lagi wujud.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 11

Firas Holdings Sdn Bhd (FHSB) digulungkan secara sukarela pada 10.1.2019 dan seorang penyelesai dilantik pada tarikh yang sama. Selepas syarikat itu digulungkan, cukai berjumlah RM50,000 telah dibangkitkan.

Tindakan pemungutan cukai tidak boleh diambil terhadap pengarah-pengarah FHSB kerana mereka tidak lagi bertanggungjawab terhadap cukai atau hutang yang terbit setelah syarikat digulungkan.

9. Tindakan Pemungutan Cukai

Tindakan yang boleh diambil untuk memungut cukai atau hutang yang menjadi genap masa dan kena dibayar daripada pengarah syarikat di bawah peruntukan seksyen 75A ACP adalah seperti berikut:

9.1 Menghalang Pengarah Syarikat daripada Meninggalkan Negara

- (a) Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mempunyai kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 104 ACP untuk mengenakan sekatan perjalanan terhadap pengarah syarikat daripada meninggalkan Malaysia dengan bantuan dan kerjasama yang diperolehi daripada Pesuruhjaya Polis dan Pengarah Imigresen.
- (b) Sijil Sekatan Perjalanan di bawah Seksyen 104 ACP (Sijil) dikeluarkan secara sah dan teratur mengikut peruntukan undang-undang seperti berikut :
 - (i) Amaun yang dituntut berdasarkan kepada cukai taksiran yang disifatkan atau baki cukai taksiran yang disifatkan atau cukai taksiran yang dibangkitkan secara taksiran formal. Amaun tersebut termasuk amaun kenaikan yang masih belum dijelaskan selepas tindakan pelaksanaan penguatkuasaan dilakukan iaitu seperti -
 - ✓ Pengenaan kenaikan cukai pendapatan kerana gagal membayar dalam tempoh yang ditetapkan.
 - ✓ Surat tuntutan atau peringatan dikeluarkan untuk menuntut cukai tertunggak.
 - ✓ Tindakan sewajarnya telah diambil untuk menghubungi pengarah syarikat bagi menuntut bayaran cukai tertunggak.
 - (ii) Tarikh pengeluaran sijil adalah tarikh kuat kuasa sekatan perjalanan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (iii) Alamat pengarah syarikat pada Sijil hendaklah dialamatkan ke alamat pengarah syarikat yang terakhir; dan
- (iv) Sijil akan disampaikan kepada pengarah syarikat secara kediri atau melalui pos berdaftar.
- (c) Sekatan perjalanan yang dikuatkuasakan oleh LHDNM akan dibatalkan menerusi sijil pembatalan sekatan perjalanan jika amaun cukai tertunggak pada Sijil telah dijelaskan sepenuhnya.
- (d) Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada KU No. 12/2015 bertajuk "Menuntut Daripada Orang Yang Meninggalkan Malaysia".

9.2 Guaman Sivil di bawah Seksyen 106(1) ACP

- (a) Tindakan guaman sivil terhadap syarikat dan pengarah syarikat akan diambil dalam satu tindakan yang sama dan kedua-duanya akan dinamakan sebagai Defendan-Defendan.
- (b) Sebelum tindakan guaman sivil diambil, Pemberitahu Tindakan Mahkamah akan dihantar kepada syarikat dan pengarah syarikat yang berkenaan.
- (c) Dokumen mahkamah akan diserahkan kepada pengarah syarikat, secara ke diri di alamat terakhirnya atau di alamat peguam Defendan.
- (d) Pengarah syarikat yang memenuhi maksud pengarah seperti di sebut di perenggan 5 dalam KU ini dan adalah pengarah semasa cukai menjadi menjadi genap masa dan kena dibayar, boleh dikenakan tindakan sivil walaupun –
 - (i) pengarah tersebut meletak jawatan sebelum atau semasa tindakan sivil;
 - (ii) pengarah tersebut mengurangkan pegangan modal saham biasanya kepada kurang daripada 20% sebelum atau semasa tindakan sivil ; atau
 - (iii) syarikat tersebut telah digulungkan.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

10. Penolakan Tuntutan

Contoh-contoh dalam PR ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**